
**CATATAN DIALOG DIANTARA MIT/MIA/MACPA/MAICSA/MATA
DENGAN
BAHAGIAN TEKNIKAL**

Tarikh : 10 November 2000
Masa : 3.00 petang - 5.45 petang
Tempat : Bilik Mesyuarat BTM,
Lembaga Hasil Dalam Negeri,
Tingkat 12, Blok 11,
Jalan Duta,
KUALA LUMPUR.

KEHADIRAN

WAKIL LHDN :

- | | | |
|---------------------------------|---|---|
| 1. Pn. Hasmah bt. Abdullah | - | Ketua Bahagian Teknikal (Pengerusi) |
| 2. Pn. Mazidah bt. Ismail | - | Penolong Pengarah Kanan
Cawangan Pungutan |
| 3. Pn. Nik Esah bt. Nik Mahmood | - | Penolong Pengarah Kanan
Cawangan Syarikat |
| 4. Pn. Maridah bt. Ludin | - | Penolong Ketua Pengarah
Unit Duti Setem, Bahagian Teknikal |
| 5. Pn. Norimah bt. Senawi | - | Penolong Ketua Pengarah
Bahagian Operasi |
| 6. Pn. Ng Oi Leng | - | Penolong Ketua Pengarah
Unit Sistem Taksir Sendiri |
| 7. Pn. Sharazad bt. Yahaya | - | Penolong Ketua Pengarah
Bahagian Teknikal |
| 8. Pn. M. Silverranie | - | Penolong Ketua Pengarah
Bahagian Teknikal |
-
-

9. Encik Che Omar bin A. Rahaman	-	Penolong Ketua Pengarah Bahagian Audit Cukai
10. Pn. Nor'aini bt. Ja'afar	-	Penolong Ketua Pengarah Bahagian Teknikal
11. En. Abu Tariq bin Jamaluddin	-	Pegawai Undang-Undang Bahagian Undang-Undang
12. Pn. Nik Melini bt. Nik Sulaiman	-	Setiausaha

WAKIL KEMENTERIAN KEWANGAN

1. En. Gunaseelan A/L Kunjan

WAKIL PERSATUAN :

1. Dr. Veerinderjeet Singh	-	MIT/MIA
3. En. Ong Lay Seong	-	MIT/MIA
4. En. Looi Seng Fook	-	MIT/MIA
5. En. Richard Thornton	-	MIT/MIA
6. Pn. Phoon Sow Cheng	-	MIT/MIA
7. En. Robin Noronha	-	MIT/MIA
8. En. Beh Tok Kuay	-	MACPA
9. Pn. Tan Shook Kheng	-	MACPA
10. En. Poon Yew Hoe	-	MACPA
11. Pn. Patricia Kan	-	MAICSA
12. Pn. Norhaiza bt. Jemon	-	MAICSA
13. Cik Noraliza bt. Abdul Wahab	-	MATA
14. En. Zulkefly bin Omar	-	MATA

1. **PENDAHULUAN**

Tuan Pengerusi mengucapkan selamat petang dan mengalu-alukan kedatangan wakil MIT, MIA, MACPA, MAICSA dan MATA ke majlis dialog ini. Tuan Pengerusi seterusnya menyampaikan kemaafan daripada Timbalan Ketua Pengarah (Teknikal dan Perundangan) kerana tidak dapat mempengerusikan mesyuarat pada kali ini atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Wakil persatuan akauntan bertaualiah seterusnya dijemput untuk mengemukakan isu-isu teknikal yang ingin dibincangkan.

2. **Isu-Isu Belanjawan Yang Telah Dibangkitkan**

2.1 **Pengeluaran Garis Panduan, Kaedah dan Perintah**

Wakil Persatuan melahirkan rasa bimbang mereka terhadap tempoh masa yang diambil untuk mengeluarkan garis panduan, kaedah dan perintah yang berkenaan terutamanya di bawah sistem taksiran sendiri. Keadaan lebih menyulitkan memandangkan beberapa cadangan galakan cukai seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2001 akan tamat tempoh dalam jangka waktu tiga tahun.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa LHDN sedang menyempurnakan garis panduan, kaedah dan perintah berkaitan beberapa galakan cukai yang diumumkan dalam Belanjawan 2001.

2.2 **Galakan Bagi Mempelawa Balik Rakyat Malaysia Yang Mempunyai Kepakaran Khusus**

Wakil persatuan ingin mendapat pengesahan berkenaan kategori individu pakar yang terangkum di bawah galakan mempelawa balik rakyat Malaysia yang mempunyai kepakaran khusus. Mesyuarat telah dimaklumkan oleh wakil Kementerian Kewangan bahawa satu jawatankuasa khas yang diketuai oleh Kementerian Sumber Manusia akan ditubuhkan untuk mengenal pasti dan membuat keputusan

berkenaan kategori individu pakar bagi maksud pemberian galakan tersebut. Sebagai contoh, kepakaran yang dimaksudkan boleh merangkumi bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), kedoktoran mahupun tarian.

Wakil Kementerian Kewangan juga mengesahkan bahawa pengecualian duti impot dan cukai jualan ke atas dua buah kenderaan yang di bawa masuk ke negara ini oleh individu pakar tersebut layak diberikan bagi apa-apa jenis kenderaan yang didaftarkan di atas nama individu pakar tersebut, suami atau isterinya atau anak-anak mereka dalam tempoh enam bulan daripada tarikh di bawa masuk ke negara ini. Wakil persatuan meminta garis panduan dikeluarkan berhubung perkara ini dan ianya telah dipersetujui oleh wakil dari Kementerian.

2.3 Galakan Untuk Memperluaskan Akses Rakyat Kepada Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

2.3.1 Pemberian Komputer Baru Oleh Syarikat Kepada Pkerjanya

Wakil persatuan ingin mengesahkan samada takrifan komputer merangkumi peralatan dan persisian komputer seperti pencetak dan modem serta samada sekatan akan dikenakan terhadap galakan ini. Puan Pengerusi memaklumkan bahawa beberapa sekatan akan dikenakan terhadap galakan ini sejajar dengan tujuan utama pemberian galakan iaitu untuk menggalakkan peningkatan penggunaan komputer peribadi. Wakil Kementerian telah mengesahkan bahawa definisi komputer meliputi keperluan asas sistem komputer dengan akses kepada internet serta memiliki perisian asas tetapi tidak meliputi pencetak. Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa pemberian komputer dihadkan kepada sebuah sahaja bagi seorang pekerja.

Memandangkan masih terdapat kesamaran dari segi skop pemberian galakan ini, wakil persatuan mencadangkan supaya menggunakan sekatan dari segi amaun / kos komputer dan bukan ke atas persisian komputer sebagai cara pemberian galakan ini. Wakil Kementerian telah mengambil maklum cadangan tersebut dan mengalu-alukan segala bentuk cadangan lain berkaitannya.

2.3.2 Sumbangan Dalam Bentuk Tunai Atau Bukan Tunai Kepada Projek Pembudayaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Dalam Komuniti Tempatan

Puan Pengerusi memaklumkan bahawa permohonan untuk mendapatkan status projek komuniti yang diluluskan perlu dikemukakan kepada Kementerian berkenaan oleh pengusaha projek. Seterusnya, sumbangan yang diberikan kepada projek komuniti yang telah diluluskan tersebut akan layak untuk mendapatkan potongan cukai.

2.3.3 Potongan Untuk Pembelian Buku

Wakil persatuan ingin mengesahkan jenis bahan bacaan yang tidak terangkum di bawah potongan perbelanjaan ini. Mesyuarat dimaklumkan bahawa bahan bacaan terbitan harian seperti akhbar dan bahan bacaan yang diharamkan tidak terangkum di bawah potongan perbelanjaan ini. Walau bagaimanapun, LHDN akan hanya membenarkan potongan tersebut sekiranya tuntutan disertai dengan resit asal pembelian yang menunjukkan dengan jelas butiran pembelian.

2.4 Galakan Cukai Bagi Syarikat Melabur Dalam Syarikat Teroka (*"Venture Company"*)

Wakil persatuan menekankan bahawa Suruhanjaya Sekuriti belum lagi mengeluarkan garis panduan, kriteria dan borang permohonan berkaitan syarikat modal teroka (*"Venture Capital Company"*) dan syarikat teroka (*"Venture Company"*) susulan kepada pindaan dalam Belanjawan 2000. Wakil Kementerian memaklumkan bahawa perkara tersebut di dalam proses penyempurnaan. Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa deraf Perintah berkenaan pindaan kepada galakan tersebut seperti diumumkan dalam Belanjawan 2001 juga telah disediakan.

Menjawab kepada soalan daripada wakil persatuan, Puan Pengerusi mengesahkan cadangan galakan cukai ini adalah *"mutually exclusive"* dengan galakan bagi syarikat melabur dalam syarikat modal teroka yang menikmati pengecualian cukai pendapatan sepenuhnya selama sepuluh tahun. Beliau juga memaklumkan bahawa cadangan potongan cukai di bawah galakan ini adalah tidak terhad kepada pelaburan dalam syarikat modal teroka sahaja tetapi meliputi juga pelaburan dalam syarikat teroka yang diluluskan. Mesyuarat seterusnya diberikan penjelasan oleh Puan Sharazad berkenaan maksud *"seed capital"*, *"start up"* dan *"early stage financing"* seperti yang dicadangkan dalam deraf garis panduan berkaitan.

2.5 Galakan Tambahan Bagi Pelaburan Semula

Wakil persatuan ingin pengesahan lanjut berkenaan maksud frasa *"Accelerated Capital Allowance is required to be **utilised** within three years"* seperti yang dicadangkan dalam galakan tambahan bagi pelaburan semula. Puan Pengerusi memaklumkan bahawa tujuan galakan tambahan ini adalah untuk menggalakkan syarikat pengilang produk yang digalakkan dan pengeluar bahan makanan yang digalakkan terus melabur semula. Sehubungan dengan tujuan tersebut,

LHDN mengesahkan bahawa frasa di atas memberi maksud Elaun Modal Dipercepatkan **dihapuskira** dalam tempoh tiga tahun. Walau bagaimanapun, syarikat yang ingin membuat tuntutan galakan ini masih perlu mendapatkan pengesahan daripada Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) bahawa ianya merupakan syarikat mengilang produk yang digalakkan atau pengeluar bahan makanan yang digalakkan.

2.6 Lanjutan Insentif Bagi Kawasan Digalakkan

Wakil Kementerian Kewangan telah memberikan penjelasan berhubung kekeliruan yang timbul berkenaan tarikh akhir insentif cukai bagi kawasan digalakkan seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2001. Beliau memaklumkan bahawa Kementerian Kewangan telah membatalkan rancangan awalnya untuk menarik balik beberapa produk dan aktiviti yang digalakkan daripada senarai berkaitan. Beliau seterusnya mengesahkan bahawa, dengan yang demikian, MIDA akan melanjutkan pemberian insentif ke atas produk dan aktiviti yang digalakkan tersebut sehingga 31 Disember 2005.

2.7 Garis Panduan Galakan Cukai Bagi Sekuriti Bersandarkan Aset

Berhubung dengan permintaan wakil persatuan supaya mengeluarkan garis panduan untuk galakan cukai bagi sekuriti bersandarkan aset, Puan Pengerusi menegaskan bahawa Perintah yang telah dikeluarkan berkenaannya adalah memadai dan garis panduan selanjutnya tidak perlu dikeluarkan lagi.

2.8 Cadangan Pengekodan Dan Memperkemarkan Istilah Galakan

Wakil persatuan telah membangkitkan tentang kekeliruan yang timbul akibat terdapatnya pelbagai definisi yang diguna pakai oleh pelbagai badan Kerajaan bagi sesuatu istilah berkaitan galakan (misalnya aktiviti

yang digalakkan, projek pertanian yang digalakkan dll.). Sehubungan dengan itu, wakil persatuan telah mencadangkan supaya tindakan untuk pengkodan dan memperkemaskan kesemua definisi bagi istilah yang sedia ada dipertanggungjawabkan kepada LHDN. Puan Pengerusi telah bersetuju dengan cadangan tindakan tersebut tetapi mencadangkan tugas tersebut dipertanggungjawabkan kepada MITI dan bukan LHDN.

2.9 Galakan Penjimatan Penggunaan Tenaga

Wakil persatuan meminta supaya garis panduan dikeluarkan berkenaan galakan ini untuk menjelaskan beberapa kesamaran yang timbul. Wakil Kementerian memaklumkan bahawa garis panduan akan dikeluarkan dengan kerjasama dari Kementerian Alam Sekitar.

Wakil persatuan membangkitkan tentang kesamaran sama ada galakan ini melibatkan syarikat yang memberi perkhidmatan penjimatan penggunaan tenaga atau produk sebenar yang menjimatkan tenaga. Puan Pengerusi mengesahkan bahawa syarikat yang memberi perkhidmatan penjimatan penggunaan tenaga layak mendapat pengecualian cukai di bawah Jadual 7B, Akta Cukai Pendapatan 1967 manakala syarikat yang mengeluarkan perbelanjaan peralatan yang digunakan untuk projek penjimatan penggunaan tenaga syarikatnya sendiri layak mendapat galakan Elaun Modal Dipercepatkan. Beliau juga memaklumkan bahawa Perintah berkenaan perkara tersebut sedang dirangkakan.

Mesyuarat dimaklumkan oleh wakil Kementerian pula bahawa syarikat yang memberi perkhidmatan pakar runding berkaitan dengan penjimatan penggunaan tenaga akan diberikan pengecualian cukai di bawah Seksyen 127, Akta Cukai Pendapatan 1967. Bagi mendapatkan pengecualian tersebut, syarikat perlu memohon kelulusan daripada Kementerian Kewangan yang akan mempertimbangkan kes

berdasarkan merit setiap kes. Berhubung dengan kekeliruan di pihak wakil persatuan berkenaan sama ada galakan ini diberikan atas dasar projek atau atas dasar syarikat, beliau menjelaskan bahawa ianya diberikan atas dasar syarikat yang mengusahakan projek yang diluluskan.

2.10 Potongan Bagi Perbelanjaan Mendapatkan Pengiktirafan Sistem Kualiti Dan Piawaian Serta Persijilan Halal

Wakil persatuan menuntut supaya perbelanjaan mendapatkan pengiktirafan sistem kualiti dan piawaian serta persijilan halal diberikan potongan dua kali oleh kerana perbelanjaan tersebut telah pun layak diberi potongan di bawah Seksyen 33(1), Akta Cukai Pendapatan 1967. Puan Pengerusi menegaskan bahawa peraturan sedia ada ialah hanya perbelanjaan pembaharuan dibenarkan potongan manakala perbelanjaan permulaan bagi mendapatkan pengiktirafan sistem kualiti dan piawaian serta persijilan halal tidak layak diberikan potongan. Beliau juga menegaskan bahawa perbelanjaan pembaharuan seharusnya tidak melebihi kos perbelanjaan permulaan tersebut. Puan Pengerusi juga meminta jasa baik Persatuan Akauntan untuk mengemukakan senarai Badan-Badan di dalam dan luar negara yang memberi perakuan persijilan tersebut bagi membantu memudahkan pemberian potongan berkenaan.

2.11 Galakan Bagi Merekabentuk Pembungkusan

Wakil persatuan meminta supaya garis panduan dikeluarkan berhubung galakan ini yang memberi takrifan dan skop berkenaan merekabentuk pembungkusan, perkhidmatan profesional tempatan dan kualiti eksport. Wakil Kementerian memaklumkan bahawa MITI, di bawah arahan Perbendaharaan, akan merangkakan Perintah berhubung perkara tersebut.

2.12 Had Potongan Bagi Sumbangan Kepada Institusi Di Bawah Subseksyen 44(6), Akta Cukai Pendapatan 1967

Wakil persatuan melahirkan rasa tidak puas hati terhadap peruntukan baru di bawah subseksyen 44(6) yang menghadkan potongan bagi derma yang dibuat oleh sebuah syarikat kepada institusi khairat yang diluluskan, kepada lima peratus daripada pendapatan agregat syarikat tersebut dalam sesuatu tahun yang berkenaan. Wakil persatuan memaklumkan bahawa terdapat syarikat-syarikat atau pertubuhan yang terikat melalui misalnya Memorandum Dan Tataurusen Pertubuhan untuk membuat sumbangan amal tanpa niat untuk mengelakkan cukai. Mesyuarat dimaklumkan bahawa had ini terpakai kepada syarikat sahaja, akan tetapi isu yang dibangkitkan telah diambil perhatian oleh LHDN.

2.13 Potongan Cukai Ke Atas Sumbangan Bagi Membiayai Kos Rawatan Penyakit Serius

Merujuk kepada pertanyaan wakil persatuan berhubung dengan kriteria dan prosidur untuk mendapatkan kelulusan bagi potongan cukai tersebut di atas, Puan Pengerusi memaklumkan bahawa garis panduan berkenaan kriteria dan prosedur untuk mendapatkan kelulusan bagi maksud potongan cukai untuk penderma yang memberi sumbangan tunai kepada seseorang individu bagi membiayai kos rawatan penyakit serius akan dikeluarkan secepat mungkin oleh LHDN. Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa LHDN bercadang untuk mengguna pakai sistem di mana potongan cukai akan dibenarkan untuk sumbangan tunai yang disalurkan ke sebuah dana khas bagi pesakit kronik / serius yang ditubuhkan oleh akhbar-akhbar terpilih. Akhbar tersebut akan menyiarkan berita berkenaan pesakit dan jumlah bantuan kewangan yang diperlukan dan mengeluarkan resit bagi pihak pesakit ke atas derma yang diterima daripada orang ramai.

2.14 Perluasan Skop Pelepasan Perubatan

Puan Pengerusi telah mengesahkan bahawa skop pemeriksaan perubatan lengkap tidak terhad kepada hanya yang berkaitan dengan penyakit serius. Beliau memaklumkan bahawa tujuan perluasan skop pelepasan perubatan ini ialah untuk mencegah penyakit dengan cara menjalani pemeriksaan perubatan lengkap dengan tetap.

2.15 Galakan Bagi Penggunaan Biomas Sebagai Sumber Tenaga Baru

Wakil persatuan ingin mendapatkan kepastian sama ada syarikat yang menggunakan biomas sebagai sumber tenaga untuk kegunaan syarikat itu sendiri layak diberi galakan cukai ini dan sama ada galakan ini terpakai untuk syarikat yang baru sahaja. Puan Pengerusi menegaskan bahawa galakan ini diberi kepada syarikat yang mengeluarkan atau menjanakan tenaga dengan menggunakan biomas sebagai sumber tenaga dan bukan untuk syarikat yang menggunakan biomas bagi keperluan sumber tenaga sendiri. Wakil Kementerian pula memaklumkan bahawa pengesahan akan dibuat sama ada galakan ini terpakai hanya untuk syarikat yang baru sahaja.

2.16 Galakan Tambahan Bagi Pengeluaran Bahan Makanan

Puan Pengerusi telah mengesahkan bahawa galakan ini merupakan lanjutan kepada Jadual 4C, Akta Cukai Pendapatan 1967 dan bukannya penggantian Jadual yang tersebut. Beliau juga memaklumkan bahawa Perintah dan Kaedah berkenaan perkara tersebut akan dikeluarkan. Bagi menjawab soalan wakil persatuan tentang jenis buah-buahan yang layak, wakil Kementerian memaklumkan bahawa senarai buah-buahan yang layak akan diwartakan oleh Kementerian Kewangan.

2.17 Potongan Cukai Bagi Pemberian Biasiswa Oleh Syarikat

Wakil persatuan telah memberikan pandangan dan cadangan mereka terhadap beberapa syarat yang dikenakan ke atas pemberian biasiswa

oleh syarikat kepada pelajar seperti yang dicadangkan dalam Belanjawan 2001. Wakil persatuan meminta agar syarat-syarat kelayakan “pelajar tidak mempunyai sebarang pendapatan” dan “pendapatan ibubapa / penjaga pelajar tidak melebihi RM5,000 sebulan” digugurkan kerana ianya boleh membantut keinginan syarikat untuk memberi biasiswa sekiranya syarat-syarat kelayakan terlalu ketat dan rumit. Cadangan ini diutarakan memandangkan terdapat ramai pelajar yang sememangnya bekerja sambilan untuk menampung kos hidup dan adalah sukar bagi sesebuah syarikat untuk sentiasa memastikan jumlah pendapatan bulanan ibubapa / penjaga penerima biasiswa. Puan Pengerusi telah menjelaskan bahawa syarat kelayakan “pelajar tidak mempunyai sebarang pendapatan” memperuntukkan bahawa pelajar dibenarkan bekerja sambilan asalkan amaun yang diperolehi masih belum cukup untuk menampung keperluan pelajarannya. Puan Pengerusi juga memaklumkan bahawa pengesahan jumlah pendapatan ibubapa / penjaga dipertanggungjawabkan kepada syarikat pemberi biasiswa sama ada melalui bukti notis taksiran cukai pendapatan, penyata pendapatan atau pun daripada pengakuan pendapatan dalam borang permohonan biasiswa. Syarat kelayakan tersebut perlu dipenuhi pada semasa permohonan dibuat bagi sesuatu permohonan baru dan bagi kes di mana biasiswa telah pun diberikan, potongan juga akan diberikan sekiranya syarat-syarat kelayakan dipenuhi.

2.18 Potongan Untuk Yuran Pendidikan (Seksyen 46(1)(f))

Merujuk kepada cadangan wakil persatuan supaya meluaskan skop bidang kursus di bawah peruntukan Seksyen 46(1)(f), Akta Cukai Pendapatan 1967 kepada bukan sahaja bidang sains dan teknologi termasuk bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) tetapi untuk merangkumi juga semua jenis bidang pengajian yang diluluskan oleh Kementerian Pendidikan, Puan Pengerusi menyatakan bahawa perkara tersebut melibatkan keputusan dasar.

2.19 **Galakan Ekspot Bagi Perkhidmatan Penerbitan Dan Perkhidmatan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT)**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Perintah berkenaan galakan tersebut akan dikeluarkan.

3. **Isu-Isu Cukai Pendapatan (Pindaan) 2000 Yang Telah Dibangkitkan**

3.1 **Potongan Cukai Dari Dividen (Seksyen 108)**

Wakil persatuan telah membangkitkan tentang pengiraan bagi "*compared aggregate*" seperti pindaan yang dicadangkan boleh mengakibatkan potongan dua kali diberikan untuk mendapatkan amaun tersebut. Wakil persatuan telah memberikan contoh di mana perkara tersebut boleh berlaku dan mengesyorkan supaya dibuat pindaan kepada peruntukan tersebut dalam Akta. Puan Pengerusi memutuskan bahawa isu itu akan diselesaikan melalui Ketetapan Umum yang akan memberi penerangan jelas beserta contoh-contoh berkaitan perkara tersebut dan pindaan kecil kepada Akta akan dipertimbangkan jika wajar dengan mengambil kira semua cadangan yang telah diterima daripada wakil persatuan.

Wakil persatuan juga telah membangkitkan tentang pemerhatian bahawa dalam keadaan di mana terdapat lebih cukai yang perlu dijelaskan oleh syarikat pada tarikh yang ditetapkan, ianya tidak boleh digunakan untuk mengurangkan tanggungan cukai syarikat tersebut. Puan Pengerusi menyatakan bahawa LHDN mengambil maklum tentang permintaan wakil persatuan supaya bayaran cukai yang berkurang tersebut dianggap sebagai bayaran pendahuluan yang boleh digunakan untuk menjelaskan tanggungan cukai syarikat pada masa depan. Berhubung dengan masalah yang diutarakan oleh wakil persatuan tentang bayaran cukai yang dibuat melibatkan perbezaan waktu iaitu cukai dibayar terkemudian daripada tahun yang sepatutnya, Puan Pengerusi meminta supaya surat rasmi berkenaan perkara tersebut dikemukakan oleh wakil persatuan untuk semakan lanjut.

3.2 Tempoh Asas bagi Syarikat (Seksyen 21A)

Wakil persatuan meminta agar peruntukan baru tempoh asas bagi syarikat di bawah Seksyen 21A(2), Akta Cukai Pendapatan 1967 dipertimbangkan juga pemakaiannya kepada badan amanah. Puan Pengerusi menegaskan bahawa pemakaian Seksyen ini adalah khas untuk kes syarikat dan kajian untuk kes badan amanah akan dilakukan pada masa yang wajar.

4. Hal-Hal Lain

4.1 Pekeliling Dan Arahan Dalam LHDN

Wakil persatuan membangkitkan bahawa terdapat ketidakseragaman layanan cukai di antara Cawangan-Cawangan Penaksiran ke atas sesuatu perbelanjaan yang sama bagi sesuatu perniagaan atau profesion yang sama dengan alasan bahawa ianya berpandukan pekeliling atau arahan dalam LHDN. Bagi maksud memantapkan sistem taksir sendiri, wakil persatuan meminta agar pekeliling atau arahan dalam LHDN berhubung layanan cukai perbelanjaan-perbelanjaan tertentu yang dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan kasar sesuatu perniagaan atau profesion dijadikan sebagai ketetapan umum. Puan Pengerusi meminta supaya badan-badan akauntan mengemukakan cadangan-cadangan item yang berkenaan untuk dijadikan sebagai ketetapan umum.

4.2 Rebat Di Bawah Seksyen 6C, Akta Cukai Pendapatan 1967

Wakil persatuan membangkitkan bahawa terdapat Cawangan yang tidak akan membenarkan tuntutan rebat sekiranya resit pembayaran permit kerja ekspatriat berkenaan tidak mengandungi perkataan levi atau pas pengurusan atasan. Wakil persatuan ingin mendapatkan kepastian berhubung perkara berkenaan. Puan Pengerusi mengesahkan bahawa potongan rebat dibenarkan bagi apa-apa fi yang dibayar kepada Kerajaan, di bawah pelaksanaan Seksyen 3, Akta Fi

1951, untuk memperolehi pas penggajian, pas lawatan (penggajian sementara) atau pas kerja. Puan Pengerusi juga memaklumkan bahawa Pekeliling Ketua Pengarah yang telah pun diedarkan sebelum ini menggariskan dengan jelas berhubung perkara tersebut.

4.3 Isu-Isu Pentadbiran

4.3.1 Prosedur Rayuan Di Bawah Sistem Taksir Sendiri

Wakil persatuan ingin mendapatkan kepastian berkenaan prosedur untuk mengemukakan surat rayuan terhadap pengiraan cukainya sendiri memandangkan di bawah sistem taksir sendiri, borang nyata pendapatan yang difailkan kepada Ketua Pengarah dianggap sebagai notis taksiran dan dianggap sebagai telah diserahkan kepada pembayar cukai pada hari borang difailkan kepada Ketua Pengarah. Puan Pengerusi memaklumkan bahawa cadangan supaya rayuan dinyatakan melalui surat iringan memfailkan borang nyata difikirkan wajar.

4.3.2 Perhatian Yang Munasabah (“*Reasonable Care*”)

Wakil persatuan ingin mendapatkan kepastian sama ada seseorang ejen cukai telah membuat perhatian yang munasabah jika ia hanya melihat dan mencatat penglihatan dokumen seperti resit asal derma atau baucer dividen dalam fail kerja beliau tetapi tidak membuat salinan dokumen-dokumen tersebut. Kepastian tentang perkara tersebut diperlukan memandangkan terdapat risiko bahawa dokumen-dokumen asal tersebut kemungkinan boleh hilang. Puan Pengerusi meminta supaya isu ini dibangkitkan dalam dialog bersama Bahagian Operasi kerana ianya melibatkan isu audit.

4.3.3 Memfailkan Borang Nyata 2000 (STTS) Bagi Syarikat Pemegang Pelaburan

Wakil persatuan merujuk kepada Arahan-Arahan Operasi bertarikh 22 Ogos 2000 dan 19 September 2000 berhubung dengan tarikh memfailkan borang nyata pendapatan bagi kes-kes syarikat pemegang pelaburan dan syarikat "*close-end fund*". Wakil persatuan ingin mendapatkan kepastian sama ada konsesi yang diberikan kepada syarikat-syarikat tersebut seperti dalam surat-surat tersebut boleh diguna pakai juga kepada badan-badan amanah dan kes-kes pelan manfaat persaraan. Puan Pengerusi meminta supaya isu ini dibangkitkan dalam dialog bersama Bahagian Operasi.

4.3.4 Syarikat Pemegang Pelaburan Dengan Tempoh Perakaunan Selain 31 Disember

Wakil persatuan ingin mendapatkan kepastian penggunaan tempoh asas bagi tujuan melengkapkan Borang CP204 untuk Tahun Taksiran 2001 bagi kes syarikat pemegang pelaburan di mana tempoh perakaunannya berakhir pada 31 Januari 2001. Wakil persatuan membangkitkan bahawa sekiranya tempoh asas diambil sebagai 1 Februari 2000 hingga 31 Januari 2001, ini bermakna penyerahan Borang CP204 adalah lewat berbanding tempoh asas 1 Januari 2001 hingga 31 Januari 2001 di mana tarikh penyerahan Borang CP204 ialah pada 1 Disember 2000. Isu ini dibangkitkan memandangkan di bawah peruntukan terdahulu, syarikat pemegang pelaburan ditaksir atas asas tahun kalendar. Puan Pengerusi memaklumkan bahawa Bahagian Operasi akan membuat semakan lanjut terhadap perkara tersebut.

4.3.5 Penyerahan Penyata Seksyen 108 (Seksyen 108(5))

Wakil persatuan ingin mendapatkan kepastian sama ada tarikh penyerahan Penyata Seksyen 108 di bawah peruntukan baru Seksyen 108(5), Akta Cukai Pendapatan 1967 dibenarkan lanjutan masa sehingga dua bulan daripada tarikh tutup perakaunan sama seperti yang dibenarkan kepada penyerahan borang nyata pendapatan. Puan Pengerusi mengesahkan bahawa kebenaran lanjutan masa tersebut diberikan oleh LHDN.

5. Penutup

Puan Pengerusi mengakhiri dialog dengan merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir. Beliau menyatakan bahawa dialog ini sangat berhasil dan maklumbalas seperti yang telah diberikan dalam dialog ini diperlukan bagi tujuan memudahkan kedua-dua pihak yang terlibat memastikan bahawa perundangan cukai dipatuhi sewajarnya. Pihak Persatuan juga merakamkan ucapan terima kasih di atas kesudian Lembaga mengadakan majlis dialog ini. Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.45 petang.